



## کمنتريڻ سومبر۲ اوتام دان قانچوئن

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

### SIARAN AKHBAR

#### MAJLIS PENYAMPAIAN PINGAT KERJA LAMA (P.K.L.) SEMPENA HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-76 TAHUN BAGI TAHUN 2022

---

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Julai 2023** – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya pada pagi tadi telah mengadakan Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L.) sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Tahun 2022 bertempat di Seri Utama Lounge, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Penyampaian Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Seramai 13 warga KSSUP telah dikurniakan Pingat Kerja Lama (P.K.L.) iaitu 12 penerima dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, dan seorang dari Jabatan Perhutanan.

Pengurniaan pingat berkenaan adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada warga KSSUP atas jasa dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan dan ianya juga sebagai penyuntik semangat kepada warga Kementerian untuk meningkatkan lagi prestasi kerja serta terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan cemerlang.

Turut hadir di Majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah serta Pegawai dan kakitangan KSSUP. **/TAMAT**

Disediakan oleh:  
Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Sumber-Sumber Utama & Pelancongan  
13 Julai 2023